

UniSZA bawa pulang lima pingat di BIS

KUALA TERENGGANU 3 Nov. - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus mencatat sejarah pencapaian di peringkat antarabangsa apabila memperoleh kejayaan cemerlang dalam pertandingan inovasi, British Invention Show 2015 (BIS) di Barbican Exhibition Centre, London, baru-baru ini.

Penyertaan kali ketiga UniSZA di benua Eropah itu merupakan yang paling membanggakan kontinjen universiti selepas semua lima produk yang dipertandingkan berjaya membawa pulang tiga emas, dua perak diikuti satu anugerah khas.

UniSZA dalam satu kenyataan memberitahu, universiti itu pernah menyertai pertandingan seumpamanya iaitu Inventions Geneva di Switzerland dan Innova di Belgium.

Pingat emas diraih oleh Shahrul Anuwaf Mohamed Yusof dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) menerusi produk inovasi Kona Table iaitu meja yang dibina dengan rekaan unik yang turut menerima pengikirafan dengan anugerah khas, *International Invention of the Year Award*.

Pingat emas juga diperoleh melalui dua penyelidik dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin yang mempertaruhkan produk i-Dyslex iaitu perisian komputer yang dapat mengesan penyakit disleksia dalam kalangan kanak-kanak.

Satu lagi pingat emas diperoleh melalui Dr. Syarilla Iryani yang mengetengahkan produk *Tajweed Race*, suatu permainan komputer



PENSYARAH dan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang berjaya mengharumkan nama universiti dalam pertandingan inovasi, British Invention Show 2015 (BIS) di Barbican Exhibition Centre, London, baru-baru ini.

yang secara tidak langsung mengajjar hukum tajwid dalam bacaan al-Quran.

Norkhairani Abdul Rawi pula meraih pingat perak melalui produk *Fiqir Road Safety* iaitu perisian komputer yang mendidik murid sekolah rendah mengenai keselamatan jalan raya diikuti Nor Ziratul Akma Norzaman yang mempertandingkan rekaan bungkusan kain songket yang dapat memelihara ketahanan songket bagi tempoh jangka masa panjang.

Program yang berlangsung selama empat hari bermula 21 hingga 24 Oktober lalu itu dianjurkan oleh British Inventors Society dengan kerjasama Welsh Assembly

Government, Intellectual Property Office (IPO), Boots Centre for Innovation dan Procter and Gamble (P&G).

“Penglibatan UniSZA dalam pameran ini amat penting dalam memberi pendedahan berguna kepada penyelidik dan seluruh warga institusi itu untuk terus memajukan diri dalam setiap bidang yang diceburi,” ujar kenyataan itu.

Antara personaliti terkemuka yang terlibat secara langsung dalam pameran itu termasuk Kane Kramer yang merupakan pencipta pemain audio digital atau lebih dikenali sebagai pemain MP3 dan I-pod.